



**Prof Madya
Dr Haliza
Abdul Rahman**

Patuh SOP 'vaksin' terbaik perangi pandemik COVID-19

COVID-19 dikategorikan sebagai fenomena transnasional hingga tiada satu negara pun dapat memerangnya secara sendirian. Pasti, topik hangat diperbincangkan dalam kalangan pakar perubatan dan orang awam ialah penciptaan vaksin menghalang jangkitan pandemik ini.

Namun, Prof Charles Bangham dari Imperial College, London mempersoalkan bilakah vaksin efektif boleh dihasilkan, sejauh mana keberkesannya dan berapa lama masa diambil untuk mengagihkannya.

Paling mengejutkan, saintis terkemuka Amerika Syarikat (AS), William Haseltine yang terbabit penyelidikan inovatif berkaitan kanser dan HIV/AIDS memberi amaran vaksin COVID-19 'mungkin tidak akan ditemui.'

Bagaimanapun, sesetengah pakar menyatakan vaksin akan tersedia dalam masa beberapa bulan, meskipun pakar lebih realistik meramalkan ia perlu mengambil masa lebih panjang, iaitu lebih setahun.

Vaksin BCG contohnya mula ditemui dan dicipta pada 1920, tetapi secara umum digunakan di Barat hanya pada 1927.

Namun, Kerajaan Britain optimis vaksin bakal ditemui hujung tahun ini dan akan mula diagihkan awal tahun depan, meskipun ramai pakar perubatan mencurigai.

Britain menyediakan dana 22.5 juta euro untuk mempercepatkan kajian vaksin COVID-19 dilakukan Imperial College yang diketuai Prof Robin Shattock.

Pasukan Shattock sejak awal Februari lalu sudah menguji vaksin itu. Penemuan awal terhadap haiwan diuji mendapati vaksin itu mampu meneutralkan antibodi bagi menentang SARS-CoV-2.

Ketika ini, pasukan terbabit sedang menghasilkan vaksin seterusnya dan akan menguji, sama ada ia akan menghasilkan tindak balas serupa terhadap manusia, seterusnya berjaya memberi perlindungan daripada COVID-19.

Sebaliknya, Dr Fiona Culley dari institusi berkenaan berpendapat penghasilan vaksin bukan semudah dijangka. Sejarah pembangunan vaksin sebelum ini penuh dengan siri kegagalan. Pastinya tiada yang menginginkan kejadian Dengvaxia pada 2017 berulang apabila vaksin denggi di Filipina menyebabkan kematian ratusan pelajar.

Penghasilnya, Sanofi Pasteur mendapati vaksin itu memburukkan lagi kesan jangkitan denggi dalam kalangan pesakit yang tidak pernah menderita penyakit itu selepas kerajaan menyuntik kanak-kanak sekolah.

Tambahan pula pendekatan konven-

sional biasanya mengambil masa sekurang-kurangnya dua hingga tiga tahun sebelum boleh diuji kepada manusia di klinik.

Tambahan pula, syarikat farmaseutikal AS, Pfizer menjelaskan ada kesan sampingan ringan dan sederhana ditemui dalam ujian manusia terhadap vaksin COVID-19 yang dihasilkan bersama syarikat bioteknologi Jerman BioNTech untuk memberikan kekebalan terhadap virus itu.

Kebanyakan subjek diberi vaksin terbabit mengalami keletihan, sakit kepala, menggigil dan sakit otot, beberapa antaranya demam dan sebilangan kecil mengalami demam tinggi.

Bagaimanapun sejak 20 tahun lalu, bantuan kewangan disalurkan beberapa negara tertentu dan disokong kemajuan teknologi menyebabkan tempoh penghasilan vaksin bagi beberapa penyakit berbahaya dipendekkan.

Perlumbaan membangun dan menghasilkan vaksin COVID-19 sedang rancak. Royal Society DELVE Initiatives, iaitu badan kajian epidemik berautoriti United Kingdom (UK) menyatakan lebih 200 pihak seluruh dunia sedang membangunkan vaksin.

Sehingga 30 September lalu, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) melaporkan 192 vaksin COVID-19 cuba dihasilkan di seluruh dunia dan 41 daripadanya kini dalam ujian klinikal.

Namun, belum ada percubaan vaksin melepasi ujian klinikal fasa ke-3 pada skala besar, iaitu langkah perlu sebelum mendapat kelulusan pengawal selia untuk penjualannya.

Vaksin COVID-19 perlu mempunyai kadar kejayaan 50 peratus baik dengan mencegah jangkitan atau mengurang-

kan keparahan penyakit, selain mempunyai liputan 60 atau 70 peratus dalam kalangan penduduk.

WHO menyebut ada kemungkinan vaksin COVID-19 akan tersedia akhir tahun ini. Beberapa vaksin sedang dibangunkan, iaitu Remdisivir, ASO3, Inno-400, mRNA-1273 dan TAK-88. Paling terkehadapan ialah Remdisivir dengan percubaan klinikal ketiga sedang dijalankan bagi mengenal pasti tahap keberkesanan dan keselamatannya terhadap pesakit.

Keberkesanan vaksin masih sukar diramalkan, walaupun ada pelbagai laporan positif. Antara cabaran terbesar syarikat biofarmaseutikal ialah faktor kewangan, percubaan klinikal dan pemasaran.

Percubaan klinikal memerlukan sejumlah besar pesakit COVID-19 secara sukarela menjalani ujian imunisasi. Bagaimanapun, tinjauan mendapati, dua pertiga atau sembilan daripada 10 responden dalam kalangan rakyat Austria menolak mengambil vaksin berkenaan.

Disebabkan COVID-19 masalah sejagat, sudah tiba masanya masyarakat dunia bekerjasama dalam memerangi wabak itu. Oleh itu, penghasilan vaksin sepatutnya menggalakkan kerjasama antarabangsa, bukan persaingan tidak sihat.

Di Malaysia misalnya, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kementerian Luar bagi memastikan Malaysia berada dalam kedudukan terbaik untuk menjadi antara negara terawal mendapat akses vaksin COVID-19 selepas siap dan dipasarkan kelak.

MOSTI juga bekerjasama dengan Kedutaan Besar China di Kuala Lumpur

mengenai kemungkinan kerjasama dalam ujian klinikal untuk vaksin COVID-19 dan berharap dapat terbabit dalam kerjasama lebih banyak bersama negara lain.

Kita turut bekerjasama dengan UK, India, Bosnia dan Korea melalui platform antarabangsa Coalition for Epidemic Preparedness Innovations (CEPI) dalam usaha ini.

Malaysia akan menyertai pelan peruntukan vaksin COVID-19 global, COVAX, bagi memperoleh sebahagian bekalan vaksin virus itu.

Menurut MOSTI, ketika ini kerajaan sedang membincangkan terma penyerahan Malaysia itu dengan Pakatan Vaksin Global (GAVI) yang mengendalikan COVAX. Malaysia melalui KKM juga menandatangani *non-disclosure agreement* dengan beberapa syarikat farmaseutikal antarabangsa sedang menguji vaksin pada peringkat fasa ketiga, untuk berunding mengenai bekalan vaksin.

Namun, Malaysia tidak mahu terburu-buru dalam pembelian vaksin COVID-19 kerana mahu memastikan terlebih dahulu vaksin berkenaan benar-benar berkesan dan selamat digunakan.

Tiga negara sudah menawarkan diri menjalankan ujian kepada penawar baharu COVID-19 yang dibangunkan Sinovac Biotech Ltd dari China. Negara pertama menerima vaksin itu ialah Brazil dengan 9,000 pekerja kesihatan di enam negeri akan diuji.

Dua lagi negara berminat ialah Bangladesh dan Indonesia. Sebanyak 4,200 sukarelawan daripada tujuh hospital COVID-19 di Dhaka akan diberikan vaksin itu, manakala Indonesia sudah melakukan ujian bagi vaksin bermula Ogos kepada 1,600 individu berusia 18 hingga 59 tahun di Bandung.

Pharmaniaga Bhd menjangkakan vaksin COVID-19 yang sedang menjalani ujian klinikal di India dan China akan berada di Malaysia pada suku pertama atau kedua 2021.

Namun, perlu dimaklumi, vaksin tidak boleh dianggap sebagai penyembuh sepenuhnya kepada pandemik, tetapi hanya antara ikhtiar atau pelengkap memerangi penyakit ini.

Selagi belum ditemui, 'vaksin' terbaik adalah mengamalkan budaya baharu dalam masyarakat, iaitu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) seperti penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan dengan sabun dan pemakaian pelitup muka.



Penulis adalah Ketua Laboratori Kesejahteraan dan Kesihatan Sosial Belia, Institut Pengajian Sains Sosial Universiti Putra Malaysia (UPM)